

# KKTM cemerlang di European Association of Folklore Festival

UB 15.01.2021 P.16

DUA orang mahasiswa dari Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTM) Universiti Malaysia (UMS) mewakili Malaysia dalam pertandingan European Association of Folklore Festival, Bulgaria. Pertandingan dianjurkan di Bulgaria melalui dalam talian sehingga menarik perhatian seluruh dunia untuk menyertainya.

Sehubungan dengan itu, pertandingan yang diadakan merupakan kategori terbuka (koreografi Moden) yang melibatkan penghuni KKTM dengan tarian Monongus.

Ashley Loduni dan Mitchell Awing menyertai pertandingan itu sehingga memperolehi pencapaian laureate 1 Degree (Gold Diploma) dan Special award from eurofolkTV.

Ini adalah pencapaian terbaik penghuni KKTM di persada dunia. Pada awalnya persaingan sangatlah sengit sehingga memberikan satu cabaran yang sangat tinggi kepada kumpulan ini untuk menyertai pertandingan tersebut.

Pertandingan yang dianjurkan ini sememangnya memberikan impak yang besar ke-

pada kelab kebudayaan KKTM (Nuansa Dance Troupe) dalam membawa nama KKTM dan UMS di peringkat dunia.

Quenner Mitchell Pauzi selaku Felo penyelaras kebudayaan Kolej Kediaman Tun Mustapha berkata, demi melestarikan kesenian dan kebudayaan bukanlah satu penghalang untuk melibatkan diri di mana-mana pertandingan walaupun dengan situasi norma baharu.

Sehubungan itu, walaupun masih PKPB namun kumpulan Nuansa Dance Troupe terus menjalankan latihan menari secara atas talian untuk mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

Hasil sokongan pengetua KKTM iaitu Prof Madya Dr Mohamad Nizam Nazarudin juga memberi satu anjakan yang drastik terhadap pencapaian yang terbaik terhadap kelab kebudayaan di KKTM ini.


Beliau mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat dan mahukan lebih banyak kejayaan di peringkat antarabangsa kerana keyakinan tinggi terhadap bakat dan usaha penghuni KKTM.

REPRESENTING MALAYSIAN   


VOTE NUANSA DANCE TROUPE



TERBAIK: Penyertaan dari KKTM UMS.



LAUREATE: Antara hadiah yang dimenangi Ashley dan Mitchell Awing.



SPECIAL AWARD: Anugerah Khas EAFF.